

ANUGERAH

(EMBARGO) UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 0001 ESOK, 1 OGOS)

1983
KUALA LUMPUR, 31 JULAI (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN BEKAS PERDANA MENTERI TUN HUSSEIN ONN TELAH DIANUGERAHKAN BINTANG KEBESARAN PAKISTAN YANG DIGELAR +NISHAH-I-QUAID-I-AZAM.+

PENYAMPAIAN ANUGERAH ITU AKAN DITETAPKAN PADA TARIKH YANG SESUAI NANTI, MENURUT KENYATAAN WISMA PUTRA HARI INI.

BINTANG KEBESARAN ITU, YANG DIANUGERAHKAN KEPADA KETUA-KETUA KERAJAAN, BERERTI +PEMIMPIN AGUNG,+ IAITU KEHORMATAN YANG DIBERI KEPADA BAPA KEMERDEKAAN PAKISTAN, MUHAMMAD ALI JINNAH.

--BERNAMA 1640/PA

ANUGERAH 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO) SAMBUNGAN B598

DALAM SATU PERUTUSAN MELALUI KEDUTAAN PAKISTAN, PRESIDEN ZIA-UL-HAQ MENYAMPAIKAN PENGHARGAAN DAN SANJUNGAN KERAJAANNYA TERHADAP DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KERENA USAHANYA MEMUPUK HUBUNGAN YANG LEBIH BAIK DALAM BERBAGAI BIDANG DI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DALAM SEMANGAT PERPADUAN ISLAM.

PRESIDEN ZIA BERKATA DI BAWAH KEPIMPINANNYA RAKYAT MALAYSIA TERUS MAJU DALAM SEMUA BIDANG PEMBANGUNAN NEGARA.

MENGENAI BEKAS PERDANA MENTERI TUN HUSSEIN ONN, PRESIDEN ZIA MENYEBUT PERKHIDMATANNYA KEPADA NEGARA DAN MENGEKALKAN HUBUNGAN PERSAHABATAN DENGAN PAKISTAN DALAM BERBAGAI BIDANG.

PRESIDEN ZIA YANG MELAHIRKAN SANJUNGAN RAKYAT PAKISTAN TERHADAP TUN HUSSEIN BERKATA +USAHANYA YANG TIDAK MENGENAL PENAT LEHAH UNTUK MENCAPAI PERPADUAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM TELAH MENIMBULKAN KESAN TERHADAP NEGARANYA DAN JUGA BAGI SELURUH DUNIA ISLAM.--BERNAMA 1801/PA